

PUPUK MINDA MATEMATIK: DR M

Oleh Faizal Fadzil

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan pentingnya setiap rakyat memupuk minda matematik yang kini menjadi asas utama dalam pelbagai bidang profesional.

Perdana Menteri berkata pelajaran matematik bukan sahaja mata pelajaran wajib di peringkat persekolahan formal, ia juga adalah ilmu asas yang penting dalam pelbagai bidang penting.

"Ia adalah ilmu asas bagi bidang seperti perakaunan, pelaburan, perdagangan dan keusahawanan. Bidang ini memerlukan bukan saja minda matematik, malah kemahiran menganalisis yang tajam.

"Oleh itu, kerajaan mengalu-alukan usaha agensi seperti Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) yang prihatin dengan kelemahan sebilangan masyarakat kita di bidang matematik dan pengiraan.

"Ini kerana satu faktor yang menjejaskan kejayaan usahawan ialah kelemahan minda matematik," katanya ketika melancarkan Program Bijak Sifir di Dataran Merdeka, di sini semalam.

Turut hadir Menteri Pendidikan, Datuk Amar Dr Sulaiman Daud; Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat; Menteri Belia dan Sukan, Abdul Ghani Othman dan Pengerusi ASNB, Tun Ismail Mohamed Ali.

Dalam majlis lebih dua jam itu, Perdana Menteri dan tetamu kehormat turut menyertai acara senamrobik bersama lebih 9,000 murid sekolah rendah dari seluruh negara.

P
Dr Mahathir berkata, kelemahan minda matematik tidak boleh diatasi dengan menggunakan alat pengira.

"Kita perlu faham pengiraan yang dibuat oleh alat berkenaan dalam memberi jawapan kepada kita.

"Kelebihan yang ada pada alat berkenaan ialah kepantasannya mengira," katanya.

Perdana Menteri berkata, di segi pendidikan, rakyat Malaysia bertanggungjawab membentuk semangat yang sesuai dan memberi keutamaan kepada faktor yang dapat menampung kepintaran berfikir dalam konteks sains, matematik dan teknologi.

Di samping itu, katanya, langkah wajar perlu dilakukan supaya guru yang mengajar matematik, diwajibkan mempunyai pengetahuan mengenainya.

"Dengan minat dan pengetahuan yang ada, barulah guru boleh mengajar dengan berkesan kepada muridnya. Mereka juga perlu dibekalkan dengan alat mengajar terkini, canggih dan berkesan."

"Pendekatan pembelajaran perlu diadakan dalam suasana yang seronok dan tidak membosankan. Ia perlu dikaitkan dengan kehidupan harian supaya mudah difahami dan relevan dengan diri kita," katanya.

Program Bijak Sifir adalah pertandingan/ujian kemahiran matematik bagi murid tahun 5 di seluruh negara.

Pertandingan anjuran bersama

LIHAT MUKA 2

BM 16 JAN 1994

Mahathir mahu dipupuk minda matematik

DARI MUKA 1

ASNB dan Kementerian Pendidikan itu bertujuan meningkatkan kemahiran matematik di kalangan murid sekolah rendah, di samping menguji keupayaan mental berasaskan konsep congak.

Sebanyak 84 buah sekolah rendah di seluruh negara dipilih mengambil bahagian yang membabitkan enam sekolah di setiap negeri.

Sementara itu, dalam kata-kata aluannya di buku cenderamata majlis pelancaran itu, Dr Mahathir menegaskan pelaksanaan Program Bijak Sifir adalah satu usaha kreatif bagi menarik pelajar Malaysia berminat dengan sifir.

"Program ini boleh dianggap sebagai asas awal untuk melatih generasi muda kita dan membentuk negara berteknologi tinggi selaras dengan Wawasan 2020.

"Saya berharap program ini akan mencapai matlamatnya mewujudkan pelajar sekolah rendah yang cekap dalam mempraktik dan meningkatkan kemahiran matematik, sains dan teknologi," katanya.

Pengerusi ASNB, Tun Ismail Mohamed Ali, dalam ucapannya berkata Program Bijak Sifir juga memberi penekanan kepada kebolehan menyelesaikan masalah matematik secara congak tanpa menggunakan kertas dan alat kira.

Beliau berkata, program itu sebahagian daripada program jangka panjang PNB meningkatkan kemahiran pembelajaran, khususnya mengenai pelaburan.

Di samping itu, PNB juga bercadang menyediakan rangkaian pusat maklumat pelaburan untuk memudahkan masyarakat mendapat maklumat mengenai pelaburan dan sektor korporat.